



30 September 2020
30 September 2020
P.U. (A) 290

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN BOMBA (PERAKUAN BOMBA) (PINDAAN) 2020

FIRE SERVICES (FIRE CERTIFICATE) (AMENDMENT) REGULATIONS 2020

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERKHIDMATAN BOMBA 1988

PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN BOMBA (PERAKUAN BOMBA)
(PINDAAN) 2020

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 62 Akta Perkhidmatan Bomba 1988 [*Akta 341*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Bomba (Perakuan Bomba) (Pindaan) 2020**.

Pindaan peraturan 1A

2. Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Bomba (Perakuan Bomba) 2001 [*P.U. (A) 241/2001*], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam peraturan 1A dengan memasukkan selepas takrif “bangunan yang dipecah bahagi” takrif yang berikut:

‘ “ organisasi keselamatan kebakaran” ertinya suatu organisasi yang ditubuhkan di bawah peraturan 6B;”.

Pindaan peraturan 2

3. Peraturan 2 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan subperaturan (1) dengan subperaturan yang berikut:

“(1) Suatu permohonan bagi perakuan bomba berkenaan dengan suatu premis ditetapkan hendaklah dibuat dalam borang dalam Jadual Pertama dan hendaklah disertai dengan—

- (a) suatu perakuan penubuhan organisasi keselamatan kebakaran yang dikeluarkan di bawah peraturan 6C;
- (b) sesalinan Pelan Tindakan Kebakaran dan Kecemasan; dan
- (c) sesalinan Laporan Keselamatan Kebakaran;

berkenaan dengan premis ditetapkan itu.”; dan

- (b) dengan memasukkan selepas subperaturan (2) subperaturan yang berikut:

“(3) Pelan Tindakan Kebakaran dan Kecemasan dan Laporan Keselamatan Kebakaran yang disebut dalam perenggan (1)(b) dan (c) masing-masing hendaklah disediakan oleh organisasi keselamatan kebakaran yang berkenaan dengan premis ditetapkan itu dalam bentuk dan cara yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.”.

Pindaan peraturan 2A

- 4. Peraturan 2A Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Peraturan-Peraturan ini” dengan perkataan “subseksyen 29(2) Akta”.

Pindaan peraturan 3

- 5. Peraturan 3 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan “dalam Borang II Jadual A” dengan perkataan “dalam borang dalam Jadual Kedua”;
- (b) dalam subperaturan (3), dengan menggantikan perkataan “dalam Jadual B” dengan perkataan “dalam Jadual Keenam”; dan

- (c) dalam subperaturan (5), dengan memasukkan selepas perkataan “kesalahan” perkataan “dan hendaklah, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya”.

Pindaan peraturan 4

6. Peraturan 4 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam subperaturan (1)—

- (i) dengan memotong proviso yang pertama; dan
- (ii) dalam proviso selanjutnya, dengan memotong perkataan “selanjutnya”;

- (b) dalam subperaturan (2)—

- (i) dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan “dalam Borang III Jadual A” dengan perkataan “dalam borang dalam Jadual Ketiga”;
- (ii) dalam perenggan (b), dengan menggantikan perkataan “premis” dengan perkataan “premis ditetapkan”; dan
- (iii) dengan menggantikan perenggan (c) dengan perenggan yang berikut:
- “(c) memberikan sesalinan Laporan Keselamatan Kebakaran; dan”;

(c) dalam subperaturan (3), dengan menggantikan perkataan “dalam Jadual B” dengan perkataan “dalam Jadual Keenam”.

Pindaan peraturan 6

7. Subperaturan 6(1) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “premis” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “premis ditetapkan”.

Pindaan peraturan 6A

8. Peraturan 6A Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “premis” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “premis ditetapkan”.

Peraturan 6B, 6C, 6D dan 6E baharu

9. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 6A peraturan yang berikut:

“Penubuhan organisasi keselamatan kebakaran berkenaan dengan premis ditetapkan

6B. (1) Mana-mana pemunya, penghuni atau orang yang mempunyai pengurusan sepenuhnya ke atas premis ditetapkan hendaklah, atas suatu permohonan yang dibuat di bawah peraturan 6C, menubuhkan suatu organisasi keselamatan kebakaran berkenaan dengan premis ditetapkan itu.

(2) Organisasi keselamatan kebakaran itu hendaklah terdiri daripada seorang pengurus keselamatan kebakaran dan sekurang-kurangnya tiga pegawai keselamatan kebakaran yang dilantik oleh pemunya, penghuni atau orang yang mempunyai pengurusan sepenuhnya ke atas premis ditetapkan.

(3) Pengurus keselamatan kebakaran dan pegawai keselamatan kebakaran yang dilantik di bawah subperaturan (2) hendaklah diperakui oleh Ketua Pengarah mengikut cara yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

Permohonan bagi penubuhan organisasi keselamatan kebakaran

6C. (1) Suatu permohonan bagi penubuhan suatu organisasi keselamatan kebakaran di bawah peraturan 6B hendaklah dibuat oleh pemunya, penghuni atau orang yang mempunyai pengurusan sepenuhnya ke atas premis ditetapkan kepada Ketua Pengarah dalam borang dalam Jadual Keempat apabila dibuat pelantikan pengurus keselamatan kebakaran dan pegawai keselamatan kebakaran.

(2) Apabila diterima permohonan di bawah subperaturan (1), Ketua Pengarah boleh meluluskan permohonan itu dan mengeluarkan suatu perakuan penubuhan organisasi keselamatan kebakaran, dengan atau tanpa syarat, atau menolak permohonan itu.

(3) Perakuan penubuhan organisasi keselamatan kebakaran yang dikeluarkan di bawah subperaturan (2) hendaklah dalam borang dalam Jadual Kelima.

(4) Ketua pengarah boleh membatalkan perakuan penubuhan organisasi keselamatan kebakaran yang dikeluarkan di bawah subperaturan (2) jika organisasi keselamatan kebakaran itu tidak mematuhi apa-apa syarat yang dikenakan oleh Ketua Pengarah berkenaan dengan perakuan itu.

Tugas pemunya, penghuni atau orang yang mempunyai pengurusan sepenuhnya ke atas premis ditetapkan

6D. (1) Pemunya, penghuni atau orang yang mempunyai pengurusan sepenuhnya ke atas premis ditetapkan yang kepadanya perakuan penubuhan organisasi keselamatan kebakaran itu dikeluarkan di bawah peraturan 6C hendaklah—

- (a) menyediakan organisasi keselamatan kebakaran itu dengan kelengkapan menentang kebakaran atau pemasangan keselamatan kebakaran;

- (b)* menyediakan maklumat yang berhubungan dengan keselamatan kebakaran dan kecemasan kepada organisasi keselamatan kebakaran itu;
- (c)* memberitahu Ketua Pengarah secara bertulis mengenai apa-apa perubahan dalam pelantikan pengurus keselamatan kebakaran atau pegawai keselamatan kebakaran dalam masa empat belas hari dari tarikh berlakunya perubahan itu; dan
- (d)* melantik pengurus keselamatan kebakaran atau pegawai keselamatan kebakaran yang baharu, dalam masa tiga puluh hari dari tarikh peletakan jawatan atau penamatan mana-mana pengurus keselamatan kebakaran atau pegawai keselamatan kebakaran, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Mana-mana pemunya, penghuni atau orang yang mempunyai pengurusan sepenuhnya ke atas premis ditetapkan yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Tugas dan kuasa organisasi keselamatan kebakaran

6E. (1) Suatu organisasi keselamatan kebakaran hendaklah mempunyai tugas yang berikut:

- (a)* untuk bertanggungjawab bagi keselamatan kebakaran premis ditetapkan yang berkenaan dengannya organisasi keselamatan kebakaran itu ditubuhkan;

- (b) apabila berlakunya kebakaran atau apa-apa kecemasan lain di premis ditetapkan tetapi sebelum ketibaan Pegawai Bomba—
- (i) untuk memberikan arahan bagi maksud pengungsian atau pengeluaran penghuni premis ditetapkan; dan
 - (ii) untuk memadam, menentang, mencegah dan mengawal kebakaran atau kecemasan dengan menggunakan semua kelengkapan menentang kebakaran atau pemasangan keselamatan kebakaran di premis ditetapkan, mengikut mana-mana yang berkenaan;
- (c) untuk mengeluarkan atau menyebabkan dikeluarkan apa-apa bahaya kebakaran yang ditemukan di dalam premis ditetapkan;
- (d) untuk menyediakan suatu Pelan Tindakan Kebakaran dan Kecemasan dan Laporan Keselamatan Kebakaran;
- (e) untuk memastikan sesalinan Pelan Tindakan Kebakaran dan Kecemasan dan semua rekod atau dokumen yang berhubungan dengannya disimpan di pusat pemerintahan kebakaran;
- (f) untuk memastikan semua kelengkapan menentang kebakaran atau pemasangan keselamatan kebakaran dan pusat pemerintahan kebakaran dalam premis ditetapkan disenggara dan kekal berada dalam keadaan baik;

- (g) untuk menghadiri apa-apa kursus atau latihan sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah;
- (h) untuk menjalankan apa-apa kursus atau latihan yang berhubungan dengan keselamatan kebakaran dan kecemasan bagi penghuni premis ditetapkan sekurang-kurangnya sekali dalam setahun;
- (i) untuk menjalankan latihan kebakaran di premis ditetapkan sekurang-kurangnya sekali dalam setahun; dan
- (j) untuk menjalankan apa-apa tugas lain sebagaimana yang diarahkan oleh Ketua Pengarah.

(2) Suatu organisasi keselamatan kebakaran hendaklah mempunyai kuasa untuk melakukan segala benda yang perlu atau suai manfaat bagi atau yang berkaitan dengan pelaksanaan tugasnya di bawah subperaturan (1).”

Pindaan peraturan 7

10. Peraturan 7 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “peraturan 3, 5 atau 6” dengan perkataan “peraturan 5 atau 6”.

Penggantian Jadual A

11. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan Jadual A dengan jadual yang berikut:

“JADUAL PERTAMA

BORANG

[Subperaturan 2(1)]

PERMOHONAN BAGI PERAKUAN BOMBA

BAHAGIAN I

Ketua Pengarah,
Jabatan Bomba dan Penyelamat,
Negeri

Saya/Kami ingin
memohon perakuan bomba bagi premis ditetapkan yang berikut: (*Nyatakan alamat
penuh premis ditetapkan*)
.....
.....

BAHAGIAN II

1. Nama pemohon (*pemunya/penghuni/orang yang mempunyai pengurusan
sepenuhnya ke atas premis ditetapkan*):
.....
2. Alamat surat-menyurat:
.....
3. Nombor kad pengenalan:
4. Nombor telefon:
5. Alamat e-mel:

6. Nama pemunya terbaru premis ditetapkan:

.....

(sila sertakan salinan yang disahkan)

7. Nombor pendaftaran perniagaan:

Daerah: Negeri:

8. Tarikh kelulusan dan nombor rujukan pelan yang diluluskan bagi premis ditetapkan:

(a) Nombor rujukan Pihak Berkuasa Tempatan:

Tarikh kelulusan:

(b) Nombor rujukan Jabatan Bomba dan Penyelamat:

Tarikh kelulusan:

9. Organisasi keselamatan kebakaran

(a) No. Pendaftaran:

(sila sertakan sesalinan perakuan penubuhan organisasi keselamatan kebakaran itu)

(b) Pengurus keselamatan kebakaran (ADA / TIADA)

Nama:

No. Pendaftaran:

(sila sertakan salinan yang disahkan)

(c) Pegawai keselamatan kebakaran (Lampiran) orang

10. Sesalinan Pelan Tindakan Kebakaran dan Kecemasan (ADA / TIADA)

11. Sesalinan Laporan Keselamatan Kebakaran (ADA / TIADA)

PENTING

Butir-butir mengenai tarikh pemasangan, kelulusan sistem oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat bersama-sama maklumat tentang kontraktor perlu dikemukakan.

Saya/Kami memperakui bahawa sepanjang pengetahuan saya/kami, segala keterangan yang diberikan di dalam borang permohonan ini adalah benar dan betul.

Tarikh:

Tandatangan pemohon:

(Cap rasmi)

Senarai Pegawai Keselamatan Kebakaran

Nama Premis Ditetapkan:

Bil.	Nama	No. Pendaftaran	Tarikh Pendaftaran

..”

Penggantian Jadual B

12. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan Jadual B dengan jadual yang berikut:

“JADUAL KEDUA

BORANG

[Subperaturan 3(1)]

PERAKUAN BOMBA

Dengan ini diperakui bahawa premis ditetapkan ini

.....
.....
telah mematuhi kehendak yang berhubungan dengan kelengkapan bagi menentang kebakaran atau pemasangan keselamatan kebakaran mengikut Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

Dengan ini diperakui juga bahawa suatu organisasi keselamatan kebakaran telah ditubuhkan dan suatu Pelan Tindakan Kebakaran dan Kecemasan dan Laporan Keselamatan Kebakaran telah disediakan, berkenaan dengan premis ditetapkan mengikut Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

Perakuan ini sah dari hingga

.....
*Ketua Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat.”.*

Jadual Ketiga, Jadual Keempat, Jadual Kelima dan Jadual Keenam baharu

13. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas Jadual Kedua sebagaimana dipinda jadual yang berikut:

“JADUAL KETIGA

BORANG

[Perenggan 4(2)(a)]

PERMOHONAN BAGI PEMBAHARUAN PERAKUAN BOMBA

Pengarah,
Jabatan Bomba dan Penyelamat,
Negeri

Saya/Kami ingin
memohon untuk pembaharuan perakuan bomba bagi premis ditetapkan yang berikut:
(*Nyatakan alamat penuh premis ditetapkan*)
.....
.....

2. Nombor rujukan:

*3. Saya/Kami dengan ini mengakui bahawa tidak terdapat perubahan ketara pada premis ditetapkan itu dan dengan itu maklumat yang diberikan dalam Jadual Pertama permohonan saya/kami berkenaan dengan premis ditetapkan itu bertarikh masih terpakai.

*4. Saya/Kami dengan ini mengakui bahawa terdapat perubahan ketara pada premis ditetapkan itu, dengan itu saya/kami mengemukakan semula Bahagian II Jadual Pertama permohonan saya/kami berkenaan dengan premis ditetapkan itu (*Sila isikan Bahagian II Jadual Pertama*).

*5. Saya/Kami dengan ini mengakui bahawa terdapat perubahan ketara pada premis ditetapkan itu, dengan itu saya/kami mengemukakan semula Jadual Pertama permohonan saya/kami berkenaan dengan premis ditetapkan itu.

6. Saya/Kami mengemukakan Laporan Keselamatan Kebakaran yang terbaru.

7. Saya/Kami mengemukakan Pelan Tindakan Kebakaran dan Kecemasan yang terbaru (*jika berkaitan*).

Tarikh:

Tandatangan pemohon:

(*Cap rasmi*)

* *Potong jika tidak berkenaan*

JADUAL KEEMPAT

BORANG

[Subperaturan 6C(1)]

PERMOHONAN BAGI PENUBUHAN ORGANISASI KESELAMATAN KEBAKARAN

Ketua Pengarah,
Jabatan Bomba dan Penyelamat

Saya/Kami.....
(Nama pemohon (*pemunya/penghuni/orang yang mempunyai pengurusan sepenuhnya ke atas premis ditetapkan*)). Nombor kad pengenalan:
ingin memohon bagi penubuhan organisasi keselamatan kebakaran berkenaan dengan premis ditetapkan yang berikut: (*Nyatakan nama dan alamat penuh premis ditetapkan*)
.....
.....

2. Pengurus keselamatan kebakaran

Nama:

No. Pendaftaran:

(*sila sertakan salinan yang disahkan*)

3. Pegawai keselamatan kebakaran (Lampiran) orang

Saya/Kami memperakui bahawa sepanjang pengetahuan saya/kami segala keterangan yang diberikan dalam borang permohonan ini adalah benar dan betul.

Tarikh:

Tandatangan pemohon:

(*Cap rasmi*)

Senarai Pegawai Keselamatan Kebakaran

Nama Premis Ditetapkan:

Bil.	Nama	No. Pendaftaran	Tarikh Pendaftaran

JADUAL KELIMA

[Subperaturan 6C(3)]

PERAKUAN PENUBUHAN ORGANISASI KESELAMATAN KEBAKARAN

No. Pendaftaran:

Dengan ini diperakui bahawa premis ini

.....
.....

telah menubuhkan suatu organisasi keselamatan kebakaran di premis ditetapkan
sebagaimana yang dikehendaki di bawah seksyen 27A Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

.....
Ketua Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat

JADUAL KEENAM

[Subperaturan 3(3) dan 4(3)]

FI BAGI PERAKUAN BOMBA DAN PERAKUAN BOMBA YANG DIPERBAHARUI

<i>Premis Ditetapkan Mengikut Kegunaan</i>	<i>Fi</i>	
	<i>Perakuan Bomba (RM)</i>	<i>Perakuan Bomba yang Diperbaharui (RM)</i>
1. Perpustakaan	300.00	150.00
2. Hospital dan rumah rawatan	400.00	200.00
3. Hotel	500.00	250.00
4. Asrama dan dormitori	300.00	150.00
5. Pejabat	400.00	200.00
6. Kedai	500.00	250.00
7. Kilang	1,000.00	500.00
8. Tempat perhimpunan	300.00	150.00
9. Penstoran dan premis lain	500.00	250.00

NOTA:

Jika mana-mana premis yang ditetapkan digunakan bagi lebih daripada satu tujuan, fi yang kena dibayar hendaklah fi yang paling tinggi yang ditetapkan bagi tujuan itu.”.

Kecualian dan peralihan

14. (1) Mana-mana permohonan bagi perakuan bomba yang dibuat di bawah Peraturan-Peraturan ibu sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini dan belum selesai di bawah Peraturan-Peraturan ibu hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini, diuruskan di bawah Peraturan-Peraturan ibu seolah-olah Peraturan-Peraturan ibu tidak dipinda oleh Peraturan-Peraturan ini.

(2) Mana-mana permohonan bagi pembaharuan perakuan bomba yang dibuat di bawah Peraturan-Peraturan ibu sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini dan belum selesai di bawah Peraturan-Peraturan ibu hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini, diuruskan di bawah Peraturan-Peraturan ibu seolah-olah Peraturan-Peraturan ibu tidak dipinda oleh Peraturan-Peraturan ini.

(3) Mana-mana perakuan bomba yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ibu sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini, disifatkan telah dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ibu sebagaimana yang dipinda oleh Peraturan-Peraturan ini dan hendaklah terus sah sehingga dibatalkan atau tamat tempoh.

(4) Mana-mana pemunya, penghuni atau orang yang mempunyai pengurusan sepenuhnya ke atas premis ditetapkan yang, sebaik sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini, telah dikeluarkan kepadanya suatu perakuan bomba bagi premis ditetapkan itu di bawah Peraturan-Peraturan ibu hendaklah, dalam masa dua belas bulan dari tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini, memohon untuk menubuhkan suatu organisasi keselamatan kebakaran berkenaan dengan premis ditetapkan itu mengikut Peraturan-Peraturan ibu sebagaimana yang dipinda oleh Peraturan-Peraturan ini.

Dibuat 28 September 2020
[KPKT/PUU(R)/8/11 Jld.2; PN(PU2)471/VI]

HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN
Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan

FIRE SERVICES ACT 1988

FIRE SERVICES (FIRE CERTIFICATE) (AMENDMENT) REGULATIONS 2020

IN exercise of the powers conferred by section 62 of the Fire Services Act 1988 [*Act 341*], the Minister makes the following regulations:

Citation

1. These regulations may be cited as the **Fire Services (Fire Certificate) (Amendment) Regulations 2020**.

Amendment of regulation 1A

2. The Fire Services (Fire Certificate) Regulations 2001 [*P.U. (A) 241/2001*], which are referred to as the “principal Regulations” in these Regulations, are amended in regulation 1A by inserting after the definition of “subdivided building” the following definition:

“fire safety organization” means an organization established under regulation 6B;”.

Amendment of regulation 2

3. Regulation 2 of the principal Regulations is amended—

(a) by substituting for subregulation (1) the following subregulation:

“(1) An application for a fire certificate in respect of a designated premises shall be made in the form in the First Schedule and shall be accompanied by—

(a) a certificate of establishment of a fire safety organization issued under regulation 6C;

(b) a copy of a Fire and Emergency Response Plan; and

(c) a copy of a Fire Safety Report,

in respect of the designated premises.”; and

(b) by inserting after subregulation (2) the following subregulation:

“(3) The Fire and Emergency Response Plan and Fire Safety Report referred to in paragraphs (1)(b) and (c) respectively shall be prepared by the fire safety organization in respect of the designated premises in the form and manner as may be determined by the Director General.”.

Amendment of regulation 2A

4. Regulation 2A of the principal Regulations is amended by substituting for the words “these Regulations” the words “subsection 29(2) of the Act”.

Amendment of regulation 3

5. Regulation 3 of the principal Regulations is amended—

(a) in subregulation (1), by substituting for the words “in Form II of Schedule A” the words “in the form in the Second Schedule”;

(b) in subregulation (3), by substituting for the words “in Schedule B” the words “in the Sixth Schedule”; and

(c) in subregulation (5), by inserting after the words “an offence” the words “and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding five thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding one year or to both”.

Amendment of regulation 4

6. Regulation 4 of the principal Regulations is amended—

(a) in subregulation (1)—

(i) by deleting the first proviso; and

(ii) in the further proviso, by deleting the word “further”;

(b) in subregulation (2)—

(i) in paragraph (a), by substituting for the words “in Form III of Schedule A” the words “in the form in the Third Schedule”;

(ii) in paragraph (b), by substituting for the word “premises” the words “designated premises”; and

(iii) by substituting for paragraph (c) the following paragraph:

“(c) furnish a copy of a Fire Safety Report; and”; and

(c) in subregulation (3), by substituting for the words “in Schedule B” the words “in the Sixth Schedule”.

Amendment of regulation 6

7. Subregulation 6(1) of the principal Regulations is amended by substituting for the word “premises” wherever appearing the words “designated premises”.

Amendment of regulation 6A

8. Regulation 6A of the principal Regulations is amended by substituting for the word “premises” wherever appearing the words “designated premises”.

New regulations 6B, 6C, 6D and 6E

9. The principal Regulations are amended by inserting after regulation 6A the following regulations:

“Establishment of fire safety organization in respect of designated premises

6B. (1) Any owner, occupier or person having the overall management of a designated premises shall, on an application made under regulation 6C, establish a fire safety organization in respect of the designated premises.

(2) The fire safety organization shall consist of one fire safety manager and at least three fire safety officers appointed by the owner, occupier or person having the overall management of the designated premises.

(3) The fire safety manager and fire safety officers appointed under subregulation (2) shall be certified by the Director General in a manner determined by the Director General.

Application for establishment of fire safety organization

6C. (1) An application for the establishment of a fire safety organization under regulation 6B shall be made by the owner, occupier or person having the overall management of the designated premises to the Director General in the form in the Fourth Schedule upon the appointment of the fire safety manager and fire safety officers.

(2) Upon receipt of an application under subregulation (1), the Director General may approve the application and issue a certificate of the establishment of the fire safety organization, with or without condition, or refuse the application.

(3) The certificate of the establishment of a fire safety organization issued under subregulation (2) shall be in the form in the Fifth Schedule.

(4) The Director General may cancel the certificate of the establishment of the fire safety organization issued under subregulation (2) if the fire safety organization fails to comply with any condition imposed by the Director General in respect of the certificate.

Duties of owner, occupier or person having the overall management of designated premises

6D. (1) The owner, occupier or person having the overall management of the designated premises to whom the certificate of establishment of a fire safety organization is issued under regulation 6C shall—

- (a) provide the fire safety organization with fire-fighting equipment or fire safety installation;
- (b) provide information relating to fire safety and emergency to the fire safety organization;
- (c) notify the Director General in writing of any change in the appointment of the fire safety manager or fire safety officers within fourteen days from the date of the occurrence of such change; and
- (d) appoint a new fire safety manager or fire safety officer, within thirty days from the date of resignation or termination of any fire safety manager or fire safety officer, as the case may be.

(2) Any owner, occupier or person having the overall management of the designated premises who contravenes subregulation (1) commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding five thousand ringgit or imprisonment for a term not exceeding one year or to both.

Duties and powers of fire safety organization

6E. (1) A fire safety organization shall have the following duties:

- (a) to be responsible for fire safety of the designated premises in respect of which it is established;
- (b) upon an outbreak of fire or any other emergencies at the designated premises but before the arrival of a Fire Officer—
 - (i) to give instructions for the purpose of evacuation or exit of the occupants of the designated premises; and
 - (ii) to extinguish, fight, prevent and control the fire or emergency by using all fire-fighting equipments or fire safety installations in the designated premises, as the case may be;
- (c) to remove or cause to be removed any fire hazard found within the designated premises;
- (d) to prepare a Fire and Emergency Response Plan and a Fire Safety Report;
- (e) to ensure a copy of a Fire and Emergency Response Plan and all the records or documents relating to it are kept at the fire command centre;
- (f) to ensure that all fire-fighting equipment or fire safety installation and fire command centre in the designated premises are maintained and remain in good condition;

- (g) to attend any course or training as may be determined by the Director General;
- (h) to conduct any course or training relating to fire safety and emergency for the occupants of the designated premises at least once a year;
- (i) to conduct a fire drill at the designated premises at least once a year; and
- (j) to perform such other duties as the Director General may direct.

(2) A fire safety organization shall have the power to do all things necessary or expedient for or in connection with the performance of its duties under subregulation (1).”.

Amendment of regulation 7

10. Regulation 7 of the principal Regulations is amended by substituting for the words “regulation 3, 5 or 6” the words “regulation 5 or 6”.

Substitution of Schedule A

11. The principal Regulations are amended by substituting for Schedule A the following schedule:

“FIRST SCHEDULE

FORM

[Subregulation 2(1)]

APPLICATION FOR FIRE CERTIFICATE

PART I

Director General,
Fire and Rescue Department,
State

I/We..... wish to apply
for a fire a certificate for the following designated premises: (*State full address of the
designated premises*)
.....
.....
.....

PART II

1. Name of applicant (*owner/occupier/person having overall management of the
designated premises*):
.....
2. Postal address:
.....
3. Identification card number:
4. Telephone number:
5. E-mail address:

6. Name of the latest owner of the designated premises:

.....

(please attach certified copy)

7. Business registration number:

District: State:

8. Date of approval and reference number of approved plans of the designated premises:

(a) Local Authority reference number:

Date of approval:

(b) Fire and Rescue Department reference number:

Date of approval:

9. Fire safety organization

(a) Registration No.:

(please attach a copy of certificate of establishment of the fire safety organization)

(b) Fire safety manager (YES / NO)

Name:

Registration No.:

(please attach certified copy)

(c) Fire safety officer (Attachment) number(s)

10. A copy of a Fire and Emergency Response Plan (YES / NO)

11. A copy of a Fire Safety Report (YES / NO)

IMPORTANT

Particulars regarding date of installation, approval of system by the Fire and Rescue Department together with information regarding the contractor need to be submitted.

I/We certify that to the best of my/our knowledge, all the information given in the application form is true and correct.

Date:

Applicant's signature:

(Official stamp)

List of Fire Safety Officers

Name of the Designated Premises:

No.	Name	Registration No.	Date of Registration

..

Substitution of Schedule B

12. The principal Regulations are amended by substituting for Schedule B the following schedule:

“SECOND SCHEDULE

FORM

[Subregulation 3(1)]

FIRE CERTIFICATE

This is to certify that the designated premises

.....
.....

has complied with the requirements relating to fire-fighting equipment or fire safety installation in accordance with the Fire Services Act 1988.

This is also to certify that a fire safety organization has been established and a Fire and Emergency Response Plan and a Fire Safety Report have been prepared, in respect of the designated premises in accordance with the Fire Services Act 1988.

This certificate is valid fromto

.....
*Director General
Fire and Rescue Department.”*

New Third Schedule, Fourth Schedule, Fifth Schedule and Sixth Schedule

13. The principal Regulations are amended by inserting after the Second Schedule as amended the following schedules:

“THIRD SCHEDULE

FORM

[Paragraph 4(2)(a)]

APPLICATION FOR RENEWAL OF FIRE CERTIFICATE

Director,
Fire and Rescue Department,
State.....

I/We..... wish to apply
for the renewal of the fire certificate for the following designated premises:

(State full address of the designated premises)

.....
.....
.....

2. Reference number:

*3. I/We hereby declare that there is no significant change to the designated premises and therefore information given in the First Schedule of my/our application in respect of the designated premises dated is still applicable.

*4. I/We hereby declare that there is/are significant change/s to the designated premises, therefore I/we resubmit Part II of the First Schedule of my/our application in respect of the designated premises *(Please fill up Part II of the First Schedule)*.

*5. I/We hereby declare that there is/are significant change/s to the designated premises, therefore I/we resubmit the First Schedule of my/our application in respect of the designated premises.

6. I/We hereby submit the latest Fire Safety Report.

7. I/We hereby submit the latest Fire and Emergency Response Plan (*if applicable*).

Date:

Applicant's signature:

(*Official stamp*)

* *Delete if not applicable*

FOURTH SCHEDULE

FORM

[Subregulation 6C(1)]

APPLICATION FOR ESTABLISHMENT OF FIRE SAFETY ORGANIZATION

Director General,
Fire and Rescue Department

I/We.....

(Name of applicant (*owner/occupier/person having overall management of the designated premises*)). Identification card number: wish to apply for the establishment of a fire safety organization in respect of the following designated premises: (*State name and full address of the designated premises*)

.....
.....

2. Fire safety manager

Name:

Registration No.:

(please attach certified copy)

3. Fire safety officer (Attachment) number(s)

I/ We certify that to the best of my/our knowledge all the information given in the application form is true and correct.

Date:

Applicant's signature:

(Official stamp)

List of Fire Safety Officers

Name of the Designated Premises:

No.	Name	Registration No.	Date of Registration

FIFTH SCHEDULE

[Subregulation 6C(3)]

CERTIFICATE OF ESTABLISHMENT OF FIRE SAFETY ORGANIZATION

Registration No.:

This is to certify that the designated premises

.....
.....

has established a fire safety organization in the designated premises as required under section 27A of the Fire Services Act 1988.

.....
Director General
Fire and Rescue Department

SIXTH SCHEDULE

[Subregulations 3(3) and 4(3)]

FEE FOR FIRE CERTIFICATE AND RENEWED FIRE CERTIFICATE

<i>Designated Premises According to Use</i>	<i>Fees</i>	
	<i>Fire Certificate (RM)</i>	<i>Renewed Fire Certificate (RM)</i>
1. Library	300.00	150.00
2. Hospital and nursing home	400.00	200.00
3. Hotel	500.00	250.00
4. Hostel and dormitory	300.00	150.00
5. Office	400.00	200.00
6. Shop	500.00	250.00
7. Factory	1,000.00	500.00
8. Place of assembly	300.00	150.00
9. Storage and other premises	500.00	250.00

NOTE:

Where any designated premises are used for more than one purposes, the fee payable shall be the highest of the fees prescribed for such purposes.”.

Savings and transitional

14. (1) Any application for a fire certificate made under the principal Regulations before the date of coming into operation of these Regulations and pending under the principal Regulations shall, on the date of coming into operation of these Regulations, be dealt with under the principal Regulations as if the principal Regulations had not been amended by these Regulations.

(2) Any application for the renewal of a fire certificate made under the principal Regulations before the date of coming into operation of these Regulations and pending under the principal Regulations shall, on the date of coming into operation of these Regulations, be dealt with under the principal Regulations as if the principal Regulations had not been amended by these Regulations.

(3) Any fire certificate issued under the principal Regulations before the date of coming into operation of these Regulations shall, on the date of coming into operation of these Regulations, be deemed to have been issued under the principal Regulations as amended by these Regulations and shall continue to be valid until cancelled or expired.

(4) Any owner, occupier or person having the overall management of a designated premises who, immediately before the coming into operation of these Regulations, has been issued with a fire certificate for that designated premises under the principal Regulations shall, within twelve months from the date of coming into operation of these Regulations, apply for the establishment of a fire safety organization in respect of that designated premises in accordance with the principal Regulations as amended by these Regulations.

Made 28 September 2020
[KPKT/PUU(R)/8/11]ld.2; PN(PU2)471/VI]

HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN
Minister of Housing and Local Government